



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

NIKMAT KEAMANAN, HASIL PENGORBANAN

BULETIN INTEGRITI SIRI 2 TAHUN 2019



Terbitan: Unit Integriti

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- Abdul Razak bin Deraof

PENYELARAS

- Tan Chee Keong

PENYUNTING

- Mohd. Fairuz Azizi bin Abdullah
- Megala a/p Ramaloo
- Suhidah binti Abdullah
- Wan Muhamad bin Wan Junoh

REKA BENTUK

- Wan Muhamad bin Wan Junoh
- Haryani binti Hamzah

PENGARANG

- Tan Chee Keong
- Siti Salmah binti Md Kassim
- Prof. Dr. Mohd Tajuddin bin Mohd Rasdi
- Wan Mimi binti Wan Omar
- Ahmad Zakuan bin Md Khudzari
- Prof. Dr. Barry H. Rodrigue
- Mohd Saofie bin Bachok
- Ahmad Faiz bin Ahmad Fuad
- Nur Shahirah binti Zulkifli

TERBITAN

- Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

S U M B A N G A N K A R Y A

- Kami amat mengalu-alukan sebarang komen, pertanyaan, cadangan penambahbaikan dan sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan karya anda ke: kpm.ui@moe.gov.my.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha KPM

Assalamualaikum WBT / Selamat Sejahtera.

“**Nikmat Keamanan, Hasil Pengorbanan**” merupakan tema yang dipilih bagi menghiasi kandungan Buletin Integriti pada kali ini. Pengorbanan merupakan satu aspek yang besar dan dipandang tinggi serta merupakan salah satu elemen yang dekat dengan integriti. **Pengorbanan memupuk semangat keikhlasan serta perjuangan dalam memperjuangkan kebenaran dan hak.**

Terdapat banyak kisah-kisah pengorbanan **para pejuang** dalam **menegakkan kebenaran yang wajar kita jadikan iktibar** dan seterusnya dapat memperkukuhkan nilai-nilai integriti jika dihayati. Sorotan kepada pengalaman yang kita pelajari dari sejarah perjuangan mampu membangkitkan rasa kecintaan kepada integriti. Bertuallah kepada sesiapa yang dapat mengecapi manisnya amalan berintegriti.

Dalam usaha kita membudayakan integriti, kita perlu menunjukkan contoh yang baik supaya integriti sehati dalam diri sendiri. **Perbuatan yang baik dan diusahakan secara konsisten akan menjadi amalan yang tersemat di hati sanubari.**



DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bermula dengan memperbaiki sikap diri sendiri, ianya akan berkembang menjadi amalan sekeluarga dan terus kepada masyarakat. Akhirnya kita akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang **menjadikan integriti sebagai paksi utama dalam menguruskan kehidupan seharian.**

Semoga perkongsian melalui buletin ini dapat memberi kesedaran dan hikmah kepada semua 'Keluarga Besar Kementerian Pendidikan Malaysia'.

Sekian, terima kasih,

Wawancara Integriti Bersama

Cik Srikandi:

PENGORBANAN Meneruskan Kelangsungan Nikmat Kehidupan

Oleh: Tan Chee Keong, UI KPM

Tentang Cik Srikandi:

“**Cik Srikandi**” merupakan nama pena bagi seorang tenaga pendidik yang telah mencurahkan sepenuh kebaktiannya dalam bidang tamadun dan sejarah. Rasa bertanggungjawab terhadap sejarah bangsa dan manusia telah mendorong beliau menulis 6 buah buku yang bertemakan sejarah, iaitu:

1. Semberani Sang Bidasari;
2. Kursani Segenap Bimasakti;
3. Rentaka Sekalian Bijasura;
4. Baiduri Segala Permaisuri;
5. Membongkar Rahsia Dunia Melayu; dan
6. Emas Para Dapunta dan Maharaja.

Melalui wawancara ini, marilah sama-sama kita memahami makna “**Pengorbanan Meneruskan Kelangsungan Nikmat Kehidupan**” daripada perspektif Cik Srikandi sebagai seorang pendidik sejarah.

Moderator: Dalam buku-buku tulisan saudara, saudara sering menekankan kepentingan sejarah dalam membentuk keperibadian dan nilai-nilai integriti seseorang. Tapi apakah melalui pembelajaran sejarah ini kita benar-benar boleh menikmati hasil-hasil pengorbanan nenek moyang kita?

Cik Srikandi: Mengimbu kembali sejarah dengan penuh ketelitian, kita akan mampu menjejak pengorbanan yang meneruskan kelangsungan nikmat kehidupan manusia itu sendiri. Kelangsungan itu perlukan pengorbanan. Fikiran yang dididik akan jerih payah atau pengorbanan masa lalu dapat mencorak sikap dan mengukuhkan lagi nilai-nilai integriti di hati orang yang dididik. Nilai-nilai integriti boleh diajar, diberitahu kepada manusia. Namun, kuasa pengalaman itu mahaguru sebenar. Pembelajaran daripada pengalaman lampau atau sejarah itu sendiri mampu melekapkan pengajaran nilai-nilai integriti ke hati manusia, akhirnya terpatери mewujudkan sikap berintegriti manusia.

DNA Penjejak Pengorbanan

Moderator: Apabila pakar-pakar sejarah mengkaji kisah-kisah yang lampau mereka sering bergantung kepada bahan-bahan tulisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Tetapi malangnya sejak manusia dicipta oleh Tuhan kebanyakan sejarah manusia adalah tidak bertulis. Jadi bagaimana kita boleh menjejaki pengorbanan yang saudara maksudkan?

Cik Srikandi: Ya, boleh. Saya sekadar mengambil satu contoh. Pada tahun 2009, sekumpulan saintis dan pengkaji DNA manusia telah mengeluarkan kertas kajian bertajuk ‘Mapping Human Genetic Diversity in Asia yang menunjukkan bahawa Asia Tenggara adalah lokasi terawal kemasukan manusia dari Afrika ke Asia. Prof. Dr. Zafarina Zainuddin dalam mengulas kajian ini menjelaskan bahawa analisis filogenetik menggunakan penanda SNPs telah meletakkan Orang Asli Semang dan orang Melayu pada cabang yang lebih awal berbanding populasi di Asia Timur yang secara langsung menunjukkan bahawa Orang Asli Semang dan Melayu adalah satu populasi yang lebih awal berbanding populasi di China dan Taiwan. Bukti secara genetik ini bertepatan dengan penemuan arkeologi di Lembah Lenggong di mana penemuan artifak dan kesan aktiviti manusia di sana telah mendorong pihak UNESCO menandakan Tapak Arkeologi Lembah Lenggong sebagai “the oldest records of early man outside the African continent”. Ini memfokuskan lagi bahawa Lembah Lenggong adalah lokasi terawal kemasukan manusia dan penyebaran umat manusia selepas Afrika secara kajian saintifik.

Ini lah yang membantu menguatkan lagi penyelidikan yang ditaja Kesatuan Eropah (EU) dan Bradshaw Foundation yang bertajuk ‘Climate Change and Postglacial Human Dispersals in Southeast Asia’ yang menjelaskan majoriti Orang Melayu bukan berasal dari mana-mana, tetapi secara genetikanya berasal dari Asia Tenggara (Pentas Sunda). **Kedua-dua disiplin saintifik ini, genetik dan arkeologi telah menjelaskan kepada kita betapa nenek moyang kita dengan rahmatNya telah berkorban demi mengekalkan kewujudan dan identitinya sejak beribu-ribu tahun secara genetik sehingga masih mampu dijejak bibit-bibit DNA mereka dalam tubuh badan kita.**

Bukti-bukti pengorbanan mereka diperkukuhkan lagi dengan kesan peninggalan arkeologi seperti bangunan, aktiviti dan peralatan yang mereka tinggalkan. Lihatlah, pada hari ini kita masih mampu menghirup udara yang serupa dan berpijak di bumi yang sama dengan bebas merdeka - satu nikmat kehidupan yang tidak terperi!



Malaysia, Tanah Airku!

Moderator: Ya, hasil kajian DNA ini memang menakjubkan! Tapi kenapa rakyat Malaysia yang sibuk dengan kehidupan moden yang tertekan perlu mengambil berat tentang peninggalan sejarah ini, termasuk bibit-bibit DNA yang terpatery dalam badan kita?.

Cik Srikandi: Amat perlu saudara! Mampu mengekalkan identiti kita secara genetik dan arkeologi yang merentasi garis masa beribu-ribu tahun akan memberi makna kemerdekaan mutlak kepada kita. Sudah pasti, mengekalkan identiti dan kelangsungan sebegini lama memerlukan ketahanan luar biasa daripada ancaman kepupusan. Jika kita merenung kembali, kisah-kisah ini adalah sejarah hebat untuk kita di sini. Dinasti ke dinasti, kerajaan kepada kerajaan baharu, bangun dan jatuh namun akhirnya nenek moyang kita tetap bertahan menghadapi segala ancaman untuk menafikan kepupusan. Akhirnya kita hidup bersama-sama serta berkongsi tanah air yang sama, bahkan berikan satu nama yang baharu 'Malaysia'!

Sejarah Asas Integriti

Moderator: Berkongsi tanah dan air yang sama memang satu perumpamaan yang indah. Tapi saudari, indah khabar daripada rupa. Kita berhidup dalam satu masyarakat yang majmuk yang terdiri daripada berbilang agama dan keturunan. Jadi bagaimana kita boleh menjadikan rakyat kita merasai tanah ini tanah mereka bersama dan air yang mereka minum air yang sama?

Cik Srikandi: Sejarah ini luas. Jika kita lebarkan pandangan, melihat kepada kepelbagaian kaum dan budaya di negara kita, setiap satunya memiliki kisah-kisah nenek moyang masing-masing. Mereka mempertahankan kelangsungan masing-masing dalam mendepani pelbagai dugaan dan cabaran dalam kehidupan mereka seperti peperangan, penindasan, wabak mahupun bencana alam. Semua pengalaman ini sangat berguna dan merupakan asas untuk membina integriti dan semangat perpaduan dalam kalangan kita. Pengalaman daripada sejarah ini sepatutnya menerbitkan rasa kasih sayang di antara kita.

Pengalaman masa lalu mengajar kita betapa persengketaan dan peperangan telah membawa kesan buruk kepada kehidupan manusia. Nilai-nilai integriti yang dibangunkan daripada kesedaran sejarah penting untuk mengekalkan keamanan dan kemerdekaan kita bersama. Kasih sayang, keharmonian, kerja keras demi keluarga, bertanggungjawab, kesopanan dan kesusilaan, taat setia kepada raja dan negara, bersatu padu dan sebagainya, semua ini mampu dibimbing melalui pelajaran dari sejarah. Kesemua nilai-nilai yang baik tadi rata-rata telah pun dirangkum dalam Rukun Negara yang boleh diibaratkan sebagai piagam negara kita. Usaha ke arah mematuhi 'piagam' ini melambangkan semangat integriti kita yang kekal berprinsip demi kesejahteraan kita bersama.

Ingat kembali bagaimana nenek moyang kita mengekalkan kelangsungan mereka, ia memerlukan berjuta pengorbanan dan perjuangan; kadangkala mereka juga perlu membanting tulang sehingga bertumpah darah dan berladung air mata. Apa pun, inilah antara mesej penting untuk kita, yakni menghargai pengorbanan nenek moyang kita dalam mempertahankan kelangsungan sehingga merasa nikmat dan melahirkan kehidupan aman damai dalam satu masyarakat kepelbagaian bangsa dan agama di negara tercinta ini.

~ TAMAT ~

Rujukan:

- 1) "Mapping Human Genetic Diversity in Asia", The HUGO Pan-Asian SNP Consortium, Science 11 December 2009.
- 2) Prof. Dr. Zafarina Zainuddin, "DNA dan Asal Usul Melayu", Utusan Malaysia 29 November 2015. "DNA: Menjejaki Asal Usul Bangsa dan Merungkai Sejarah Silam Melaluinya / Prof. Dr. Zafarina Zainuddin dalam Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa "Menyingkap Perjuangan Bangsa", 8 - 10 November 2016, Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam, Selangor.
- 3) UNESCO "Archaeological Heritage of the Lenggong Valley", <http://whc.unesco.org/en/list/1396>
- 4) "Climate Change and Postglacial Human Dispersals in Southeast Asia", Molecular Biology and Evolution, Volume 25, Issue 6, June 2008.
- 5) "DNA Research Confirms That Majority of Malays Originated From Sunda Shelf", <https://news.usm.my/index.php/english-news/478-ewehoe8>
- 6) Cik Srikandi boleh dihubungi melalui srikandisejarah@gmail.com

PUISI

Oleh: Siti Salmah binti Md Kassim
Pasukan Petugas ICT JPPKK



Tidaklah dihijab doa ibu yang memohon,
Tidaklah dihijab doa ibu yang merayu,
Tidaklah dihijab doa ibu yang meminta,

Allah...
Dikau Maha mendengar setiap keluhan,
Seorang ibu yang memohon, merayu dan meminta,
Sudah puas berkorban keringat demi melahir dan membesarkan,
Aku anaknya hanya mampu,
Merintih kepada ibu mengadu nasib,
Usaha menjadi resipi utama,
Namun doa ibu yang menjadi titian,
Jambatan kejayaan terlakar,
Aku percaya Ya Allah,
Aku yakin Ya Allah,
Kerana doanya,

Yang kusut Engkau leraikan,
Yang terikat Engkau rungkaikan
Yang susah Kau senangkan,
Dan yang terbuku di hati Engkau tunjukkan penyelesaian,

Ya Allah, aku mohon,
Dengan sungguh-sungguhnya,
Tiadalah upaya jasad ini kerana,
Aku tahu,
Pabila tiba harinya,
Engkau tarik nikmat doa dia dariku,
Gentar seluruh rasa,
Kerana tidaklah aku tahu siapa bakalan pergi dahulu,
Moga doanya terus kekal buatku,
Moga kau berkati titipan syahdunya
Buatku,
Anak yang amat mengharapkan,
Utusan doa darinya,
Kerana segala reda-Mu Ya Allah,
Adalah
Kerana doanya.



*Pengorbanan
Seorang Ibu*

Nikmat 'Mengorbankan' Kerosakan Fitnah Dalam *WhatsApp*

Oleh: Prof. Dr. Mohd Tajuddin bin Mohd Rasdi
Ahli Jawatankuasa Integriti Akademik, KPM

Sebaran **BERITA PALSU** dan **FITNAH** melalui *WhatsApp* memang mendapat tempat di hati sesetengah rakyat kita. Mereka ini amat suka menyampai-nyampai berita-berita yang tiada verifikasinya. Antaranya, mereka paling suka menyebarkan berita yang buruk terhadap kelompok yang bertutur dalam bahasa yang berlainan daripada mereka; golongan yang menganut kepercayaan agama atau berfahaman politik yang berbeza dengan pegangan puak mereka; dan kumpulan yang mengamalkan budaya yang tidak sama dengan kaum mereka sendiri.

Lebih malang lagi, bagi tanggapan mereka apa sahaja berita yang disebarkan oleh kelompok mereka sendiri terhadap kelompok lain yang disasarkan kesemuanya adalah betul belaka tanpa terlebih dahulu menyelidik kebenaran dan kesahihan sumber berita tersebut.

Khutbah Jumaat

Beberapa bulan yang lepas pada satu hari Jumaat, seperti biasa, saya menunaikan fardu Jumaat di masjid berdekatan rumah saya di Kajang, Selangor. Orang yang telah biasa membaca tulisan-tulisan saya di akhbar-akhbar tempatan atau alam maya pasti mengenali saya sebagai pengkritik khutbah yang tegar. Bagi saya, kebanyakan isi kandung khutbah jarang sekali menyentuh nilai-nilai integriti yang bersesuaian dengan peredaran zaman dan sering terkeluar konteks kesejagatan manusia secara keseluruhannya.

Namun, tajuk khutbah pada hari itu yang diusahakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) amat istimewa. **Saya benar-benar terasa nikmatnya kerana khutbah pada hari itu amat bermakna sekali dengan memberi suatu 'upgrade' atau naik taraf kepada bab "Bencana Lisan" daripada buku Imam Ghazali (r.a.) *Ihya Ulumuddin*.** Antaranya, yang saya minati dan khatam adalah buku 'Bimbingan Mukminin', iaitu ringkasan bagi kitab besar tersebut yang dibahagikan kepada dua jilid.

Dalam konteks pembinaan negara-bangsa (*nation-state*) di negara ini, khutbah pada hari itu amat mendalam ertinya kerana kebanyakan rakyat kita amat tidak kenal tentang padahnya fitnah atau berita palsu melalui sebaran *WhatsApp* terhadap masyarakat kita. Khutbah tersebut mengingatkan kita betapa dosa fitnah adalah amat besar sekali di sisi Allah SWT dan juga dosa melaga-lagakan antara umat dengan berita palsu atau tulisan menghasut dan berniat jahat.

Satu Dosa Besar

Jika perbuatan menyebarkan berita palsu dan fitnah melalui *WhatsApp* menjadi suatu budaya kekal, maka bukan sahaja ia akan menjadi dosa besar kepada mereka yang menyebarkannya tetapi ia juga bakal merosakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat dalam negara ini. Jika berlaku rusuhan lantaran sebaran berita palsu dan fitnah berkaitan, kesemua rakyat Malaysia juga akan rugi dari segi ekonomi serta hubungan kemasyarakatan. **Periuk nasi anak-anak kita yang kebanyakannya kini bergantung hidup dengan firma-firma, kilang-kilang dan kedai-kedai pun akan terjejas. Pada ketika itu nasi telah jadi bubur.**

Adapun menyebarkan fitnah dan berita palsu seperti ini adalah kesalahan undang-undang dan boleh dihukum penjara. Saya kasihan mereka kerana dikhuatiri mereka terpaksa tunggu di luar Syurga di Akhirat kelak kerana fitnah-fitnah dan berita palsu yang telah disebarkan!

Pengorbanan Pasukanku Unit Operasi

Oleh: Wan Mimi binti Wan Omar
Pusat Pengurusan Teknologi, IAB

Pasukanku Unit Operasi,
Mohon maaf aku pinta diri,
Melangkah pergi keluar dari agensi,
Ketika semua sibuk beroperasi,

Pasukanku Unit Operasi,
Terima kasih atas pengorbanan diberi,
Semoga lebih ceria berbakti,
Menabur budi seikhlas hati,

Pasukanku Unit Operasi.
Aku pergi menyahut transformasi,
Setahun sudah permohonan ini,
Penggantiku berilmu lebih baik lagi,

Pasukanku Unit Operasi,
Kita sudah lali dengan tugas ini,
Kerja di belakang tabir tidak dikenali,
Terkadang pincang sering dimarahi,

Pasukanku Unit Operasi,
Ingat!... bakti kita demi pertiwi,
Ceria kita hargai diri sendiri,
Ke mana pun pergi tegar berdiri.

BICARA SEKOLAH

NIKMAT

Rezeki Halal

Oleh: Ahmad Zakuan bin Md Khudzari, BHA KPM

Yang Jujur Dan Tulus

Guru koperasi di sebuah sekolah di ibu kota - Cikgu Abdullah atau lebih dikenali dengan panggilan **Cikgu Lah** memang seorang guru yang berintegriti. Menjawat jawatan sebagai guru koperasi mungkin dianggap mudah bagi sebilangan guru. Lebih-lebih lagi tugasnya di bahagian pemasaran menjadikan Cikgu Lah sering berhadapan dengan cabaran sampingan profesionnya. Guru besar, **Madam Marry Anne**, juga seperti tidak mahu mencari guru lain bagi jawatan guru koperasi kerana berkenan dengan sikap Cikgu Lah yang jujur dan tulus untuk mengendalikan koperasi sekolahnya.

'Tawaran Hebat'

Pagi itu seperti biasa **En. Wong** yang merupakan pembekal alat tulis sekolah datang dan menunggu Cikgu Lah di hadapan pintu koperasi. Saban tahun En. Wong merayu agar dapat menjual peralatan alat tulis syarikatnya dan memberikan khidmat mencetak buku kepada Cikgu Lah. Tetapi semuanya ditolak Cikgu Lah dengan baik. Walaupun En. Wong memiliki reputasi dan nama yang baik dalam kalangan koperasi sekolah-sekolah lain, tetapi Cikgu Lah mempunyai alasannya tersendiri mengapa tidak mahu mengurus niaga dengan syarikat En. Wong. Hanya dengan satu 'tawaran hebat' yang dijanjikan oleh En. Wong membuatkan Cikgu Lah menyenaraihitam En. Wong sebagai pembekal di sekolahnya. Cukuplah gaji sebagai guru biasa yang diterimanya selama ini, membesarkan anak-anaknya. Tidak perlu ditambah dengan hasil sampingan dan keuntungan yang pernah ditawarkan En. Wong. Cikgu Lah khuatir akan hasil syubhah yang akan diperoleh menjadi darah daging makan minum anak-anak dan isterinya.

Apakah Patut Aku Ambil Dan Beri?

Pernah beliau mendengar satu sesi ceramah yang diberikan oleh **Ustaz Ali Hasan** di surau kampungnya menerangkan bahawa rezeki yang halal akan membentuk keperibadian anak-anak. Alasan Mr. Wong untuk membalas budi tidak kena pada tempatnya. Pada Cikgu Lah, biarlah dirinya berkorban. Sekalipun hidup keluarganya susah, yang penting hasil rezekinya halal dan diberkati.

Apatah lagi setiap akhir tahun kewangan, Cikgu Lah akan mengira pendapatan koperasi dan membayar zakat perniagaan di Pejabat Agama Daerah, sesuatu yang belum pernah dilaksanakan guru-guru koperasi sebelumnya. Semoga perniagaan yang diusahakan oleh ahli lembaga koperasi dan saham koperasi hasil caruman murid-murid sekolah akan sentiasa subur dan berkat.

Persaingan Sihat

Setakat ini, koperasi sekolah yang dikendalikan Cikgu Lah dan petugas koperasi dalam kalangan pelajar menjual barangan dan peralatan sekolah pada harga yang amat berpatutan. Dan itulah sebenarnya tujuan utama diwujudkan koperasi di sekolah-sekolah. Manamana pembekal bebas berurusan dengan Cikgu Lah dengan syarat tanpa ada bentuk perniagaan yang mencurigakan serta tiada unsur ketidakpastian. Cikgu Lah suka melihat para pembekal bersaing secara sihat menawarkan barangan jualan mereka. Pelanggan juga dapat membuat pilihan ke atas barangan yang bermutu dan berbaloi dengan harga.

Jadikan Integriti Satu Amalan

Bagi Cikgu Lah, kehebatan peribadi bukan terletak pada kaya atau untungnya seorang guru dari sudut kewangan atau kebendaan, tetapi kaya dan untungnya guru ialah pada kejujuran dan integriti diri yang diamalkan dan dijadikan nadi kehidupannya.

Seorang **guru** yang **berintegriti** ialah seorang guru yang **menterjemahkan pengetahuan** dan **kemahiran** berkaitan **disiplin ilmu** atau mata pelajaran yang diajarnya **sebagai satu amalan**, mahupun untuk diri sendiri bahkan anak muridnya. Ajaran yang dijadikan amalan akan **memberi impak** mendalam dalam jiwa anak murid seterusnya **memberi nikmat sepanjang hidup** mereka.

Refleksi:

1. Integriti dalam etika keguruan adalah satu sikap yang wajib ada dan menjadi amalan dalam kehidupan mereka.
2. Integriti yang dipamerkan akan menjadikan orang lain mudah memberikan kepercayaan kepada seorang guru.
3. Guru yang berintegriti juga akan selamat di dunia dan akhirat.
4. Rezeki yang halal adalah daripada sumber yang halal.
5. Guru yang berintegriti akan menyumbang kepada bangsa dan tamadun yang dinamik dan diberkati.


INTEGRITI: Satu Kajian Terhadap Sekalian Alam

Oleh: Prof. Dr. Barry H. Rodrigue

Konsep INTEGRITI biasanya digunakan sebagai satu aturan atau tata hukum yang bertujuan membentuk kejujuran sosial untuk menghasilkan keharmonian sama ada dalam diri mahupun di masyarakat. Namun, bagi saya integriti mempunyai makna yang lebih besar dan lebih luas daripada itu. **Integriti ialah satu kajian tentang hubungan antara manusia dengan sekalian alam.**


Sejak zaman purba lagi, manusia telah tertanya-tanya tentang kewujudan mereka sendiri. Kumpulan manusia purba yang bergerak dalam kelompok-kelompok keluarga (*family bands*) menggunakan pengetahuan 'wilayah' mereka yang mendalam untuk melahirkan satu pandangan dunia yang mencerminkan pemerhatian mereka terhadap alam di sekeliling mereka.

Gambaran ini jelas sekali apabila kita melihat bukti-bukti bagaimana para pelukis pada Zaman Batu melukis di dinding batu; petani-petani pada Zaman Pertanian membangun takwim-takwim taman (*landscape calendars*) mereka; ahli-ahli falsafah di Yunani membicarakan tentang alam sebelum kemunculan falsafah Barat yang berpaksikan puak Sokrates; penduduk yang berhidup dalam era Empayar Mauryan melindungi alam di India; sarjana-sarjana yang mentadbir China semasa Dinasti Zhou membangunkan ilmu-ilmu kosmologi yang menyeluruh dan maju; dan bagaimana ulama-ulama Islam di seluruh benua Asia, Eropah dan Afrika yang menyatukan kedua-dua ilmu mengenai alam ghaib (*Alam-al-Ghaib*) dan alam nyata (*Alam-al-Shahood*) sebagai satu koleksi ilmu yang bersepadu.



Kesemua bukti tersebut boleh dirungkai dalam satu perkataan dalam bahasa Melayu yang telah saya belajar semasa saya melawat Malaysia pada awal tahun ini, iaitu "alam" (*world*). Perkataan ini juga boleh diterbit lagi menjadi "pengalaman" (*experience*). Satu pengalaman yang paling teruja yang telah saya alami di Malaysia ialah terjumpa satu siri buku ensiklopedia untuk kanak-kanak yang merangkumi semua ilmu yang saya maksudkan dalam satu naratif yang indah dan menarik sekali!

Lebih menyeronokkan apabila saya menerima satu buku dalam Bahasa Inggeris – "*The Earth Story: Lesson from the Quran and Science*" tulisan seorang professor Malaysia yang bernama Prof. Dr. Shamsuddin Jusop. Buku ini memberangsangkan kerana ia mengisahkan kelahiran alam semesta, kerencaman tanah (Bumi) dan kehidupan manusia dengan menggabungkan kedua-dua ilmu sains dan kerohanian sebagai satu (Esa).



Integriti Yang Mendalam

Pendekatan inovatif yang digunakan oleh Profesor Shamsuddin semakin mendapat tempat dalam pemahaman manusia moden terhadap alam di sekitar mereka. Pendekatan ini menjadi pemangkin kepada penyempurnaan kaedah saintifik dan penyelidikan ilmiah serta mencetuskan kesepaduan ilmu yang merentasi sempadan budaya, agama dan etnik untuk mencari kebenaran. Bagi saya, ini adalah satu proses 'integriti yang mendalam' (*deep integrity*).

Kesepaduan ilmu ini juga telah membawa satu fenomena yang baharu di mana usaha demi usaha telah diambil oleh manusia di seluruh dunia untuk memerangi rasuah di arena sosial, kerajaan, syarikat, bahkan dalam kalangan badan-badan bukan kerajaan. Contohnya, pada tahun 2011 Akta Pencegahan Rasuah telah mula berkuat kuasa di Amerika Syarikat. Akta ini telah memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam sistem perundangan antirasuah di Amerika Syarikat, seperti memperkasakan kumpulan-kumpulan advokasi yang melawan rasuah.

Di negara-negara membangun seperti Malaysia dan India, gerakan-gerakan antirasuah juga mula bergiat secara aktif di peringkat kebangsaan, malahan kempen yang tidak kunjung lelah telah dilancarkan untuk memperkukuhkan nilai-nilai integriti yang melangkaui sempadan negara. Dalam kempen mereka, hampir semua bahasa manusia telah digunakan demi mencapai satu matlamat bersama, yakni mempromosikan satu kejujuran sosial dalam diri dan masyarakat.

Pengorbanan Yang Memberi Nikmat

Pergerakan ke arah pemupukan nilai-nilai integriti ini mencerminkan kecenderungan manusia mencari sesuatu yang lebih luas dan mampu menyatupadukan umat manusia di seluruh dunia. Secara tuntas, sekiranya semua ilmu dipertimbangkan dan disatukan sekali dengan otak dan hati kita, kemudian kesatuan ini turut dijadikan amalan hidup, nescaya satu bentuk integrasi antara manusia dengan alam yang paling mendalam akan tercapai.

Inilah tujuan perkongsian saya dalam bicara ini untuk meneroka integriti dalam konteks baharu yang merangkumi semua ilmu manusia yang kami berikan nama 'Sejarah Besar' (Big History). Saya melihat Sejarah Besar sebagai satu usaha yang mencuba segala kemungkinan yang membolehkan manusia berkongsi pengalaman serta bekerjasama sehati sejiwa supaya kita dapat mengalami alam di sekeliling kita dengan lebih dalam lagi.

Ya, saya bersetuju. **Bukan mudah untuk menuntut semua ilmu ini. Namun, bagi saya inilah satu pengorbanan yang pasti akan memberi nikmat kepada kehidupan umat manusia dan sekalian alam!**

Nota: Prof. Rodrigue pernah dijemput untuk memberi ceramah dalam Sesi Perkongsian Ilmu anjuran Bahagian Pengurusan Aset, KPM semasa beliau melawat Malaysia pada awal tahun 2019. Beliau merupakan Pegawai Penyelaras Antarabangsa bagi kedua-dua Persatuan Sejarah Besar Antarabangsa [International Big History Association (IBHA)] yang berpusat di Amerika Syarikat dan Persatuan Sejarah Besar Asia [Asian Big History Association (ABHA)] yang bertapak di India. Beliau boleh dihubungi melalui rodrigue@archinets.org.

PROGRAM BICARA PAGI INTEGRITI TAHUN 2019

Oleh: Ahmad Faiz bin Ahmad Fuad, UI KPM

Dalam meniti cabaran

bagi merealisasikan visi Kementerian Pendidikan Malaysia, jaringan hubungan profesional yang baik antara bahagian/ jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah perlu bagi melestarikan ekosistem pendidikan yang berkualiti agar dapat memenuhi aspirasi pendidikan negara.

Sejajar dengan usaha tersebut, Unit Integriti telah melaksanakan satu Program Bicara Pagi Integriti Tahun 2019 yang bertindak sebagai satu platform perkongsian ilmu antara Unit Integriti dan Bahagian/ Jabatan di Kementerian.

Objektif Utama Program:

- i. Memantapkan tahap pemahaman perjalanan dan operasi antara hubungan (*intra relation*) bahagian/ jabatan di kementerian di samping berkongsi tentang pengurusan isu-isu integriti yang dihadapi serta kaedah yang diguna pakai di bahagian/ jabatan tersebut dalam pengurusan isu-isu integriti yang berbangkit.



Platform ini juga bertujuan untuk menyeragamkan kaedah atau pendekatan terbaik dalam menguruskan isu berkaitan integriti di Kementerian secara menyeluruh dan efektif berdasarkan kepakaran dan fungsi teras bahagian/ jabatan Kementerian masing-masing.

Tarikh Program:

- Siri 1 Tahun 2019 - 22 Julai 2019 (Isnin)
- Siri 2 Tahun 2019 - 27 Ogos 2019 (Selasa)
- Siri 3 Tahun 2019 - 27 September 2019 (Jumaat)
- Siri 4 Tahun 2019 - 12 November 2019 (Selasa)



Sepanjang siri tersebut, Unit Integriti telah menjemput wakil dari beberapa bahagian seperti Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Perolehan, Jemaah Nazir dan Bahagian Audit Sekolah bagi berkongsi tentang fungsi teras serta operasi Bahagian masing-masing serta cabaran berkaitan pelaksanaan kerja dengan integriti bagi memastikan fungsi utama Bahagian dapat dijalankan serta visi kementerian dapat dicapai dengan jayanya.

Perkongsian antara bahagian melalui platform seumpama ini adalah diharapkan dapat membuka satu lembaran baru dalam usaha memahami fungsi teras sesuatu bahagian atau jabatan di kementerian agar setiap perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti seperti yang diharapkan oleh pemegang taruh seterusnya merealisasikan aspirasi pendidikan negara.



BENGKEL ASAS PENGURUSAN TATATERTIB KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019



Oleh: Nur Shahirah binti Zulkifli, UI KPM



Bengkel Asas Pengurusan Tatatertib KPM Tahun 2019:

- ✓ Tarikh : 21 - 23 Ogos 2019
- ✓ Tempat : Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya
- ✓ Peserta : Pegawai meja yang menjalankan fungsi urus setia dalam melaksanakan proses tatatertib di peringkat Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia (JPPKK) dan Politeknik di seluruh Malaysia.

Objektif:

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai mengenai prosedur pengurusan tatatertib di peringkat JPPKK dan Politeknik;
- ii. Menyeragamkan proses kerja tatatertib di peringkat JPPKK dan Politeknik; dan
- iii. Mengetahui dan menangani isu-isu berkaitan tatatertib yang berlaku di peringkat JPPKK dan Politeknik.



4 Petua Kehidupan Insan

Oleh: Mohd Saofie bin Bachok
Pusat Kokurikulum Melaka, JPN Melaka

Laluan

Ada Waktu Penuh Bahagia,
Ada Waktu Penuh Cerita,
Ada Waktu Penuh Gelagatnya,
Ada Waktu Penuh Derita,
Namun Itu Hakikat Sementara,
Namun Itu Hakikat Berterusan,
Namun Itu Hakikat Ketulusan,
Namun Itu Hakikat Kehidupan,
Tuhan Beri Akal,
Tuhan Beri Pandangan,
Tuhan Beri Pendapat,
Tuhan Beri Fikiran,
Itulah Warna Dalam Kehidupan,
Berwarna Kepelbagaian Dalam,
Menempuh Hidup Menjadi,
Seorang Hamba.

Jatuh

Jatuh,
Menitis Air Mata,
Mengenang Sesal,
Mengenal Duka,
Meruntun Jiwa,

Jatuh,
Sesal Lagi Tiada Erti,
Hanya Mengenang Duka,
Menyesali Tiada Makna,
Muhasabah Perlukan Di Jiwa,

Jatuh,
Kerana Tiada Agama,
Kerana Tiada Pegangan,
Kerana Tiada Pedoman,
Kerana Tiada Tujuan,

Jatuh,
Kini Aku Sedar,
Kini Aku Faham,
Kini Aku Bersyukur,
Kini Aku Bersujud,

Terima Kasih Jatuh.

Jentik

Jentik,
Terasa Menguris Jiwa,
Membaham Kata,
Menelan Sengsara,
Semuanya Menjadi Biasa,

Jentik,
Menghadap Rasa,
Pelbagai Cerita,
Merungkai Jiwa,
Dalam Rencahnya,

Jentik,
Ada Duka,
Ada Gembiranya,
Pasti Pelbagai Gayanya,
Merasa Diri Sebagai Hamba,
Menelan Segala,
Ketentuan-Nya.

Lumrah

Hidup Biasa,
Hidup Susah,
Hidup Senang,
Hidup Kaya,
Hidup Miskin,
Itulah Lumrah Hidup,

Ada Taubat,
Ada Zikir,
Ada Terasa,
Ada Menyesal,
Ada Beristighfar,
Ada Bersujud,
Itulah Lumrah Hidup,

Apa Pun Jua,
Neraka Dan Syurga,
Kita Perilakunya,
Memilih Cabang Susah Dan Senang,
Mengikut Tuhan Ya Allah,
Mengikut Kitab Al-Quran,
Mengikut Agama Islam,
Menerima Syafaat Nabi Muhammad SAW,

Itulah Lumrah Kehidupan Insan.